

ENGGANG PAPAN
Great Hornbill

FAMILI: Bucerotidae
NAMA SAINTIFIK: *Buceros bicornis*



CIRI-CIRI

Burung ini mudah dikenali dengan jalur berwarna keemasan, dan jalur putih di bahagian sayap. Paruh dan bonggol di atas paruh berwarna kuning terang, manakala bahagian muka berwarna hitam, diikuti dengan warna keemasan pada kepala dan leher. Ianya bersaiz besar, dengan ukuran di antara 119-122 sm panjang.

MAKANAN

Ia memakan buah-buahan seperti buah ara, haiwan kecil termasuklah ular, reptilia, siput, serangga, telur dan anak burung lain.

HABITAT

Biasanya ia dikenali berkeliaran di kawasan hutan dipterokap, dari kawasan pamah hinggalah ke ketinggian 1,500 m. Juga boleh dijumpai di pulau-pulau yang besar seperti di Pulau Langkawi.

BUNYI

Berbunyi secara berpasangan dengan jujukan bunyi *gok* dan nada tinggi mengaum atau nada menyalak. Bunyi semasa terbang *ger-ok*.

PEMBIAKAN

Boleh dijumpai dalam berpasangan atau dalam kumpulan famili kecil yang terdiri daripada jantan, betina, dan anak. Musim membiak adalah di antara bulan Januari hingga Ogos dengan menghasilkan 1-3 biji telur.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
CITES, appendiks 1.
IUCN, hampir terancam.